

I PELANCARAN HARI RIADAH DAN REKREASI STAF KUKUM

Pada petang 26 Jun 2003 yang lalu Y. Bhg. Rektor KUKUM, Prof. Dr. Kamarudin Hussin telah merasmikan pelancaran Hari Riadah dan Rekreasi Staf KUKUM di perkarangan pusat pengajian Kampus Kubang Gajah. Turut hadir di majlis pelancaran tersebut ialah semua ketua jabatan dan juga kakitangan KUKUM.

Dalam ucapan pelancarannya, Y. Bhg. Rektor menegaskan betapa pentingnya aktiviti seumpama ini kepada warga kampus yang mana ianya bukan sahaja dapat meningkatkan tahap kecergasan staf malah mampu mempererat lagi hubungan silatullah antara mereka. Program riadah dan rekreasi ini akan diadakan pada hari Rabu setiap minggu. Pelbagai aktiviti telah dijalankan pada program tersebut seperti permainan takraw, sepak raga bulat, bola tampar, street soccer, catur, karom, gusti lengan, ping pong dan banyak lagi.